

8/9/2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

2 ANUGERAH AIR KEBANGSAAN UNTUK PBAPP DAN PULAU PINANG

- **Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018 "Loji Rawatan Air Terbaik" untuk Loji Rawatan Air Sungai Dua.**
- **Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018 yang dianugerahkan kepada Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.**

PULAU PINANG, Sabtu, 8/9/2018: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima dua anugerah peringkat kebangsaan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).

Anugerah itu disampaikan oleh YB Dr Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), di Hotel Marriot di Putrajaya pada Jumaat, 7/9/2018.

MWA adalah persatuan kebangsaan bebas dan bukan keuntungan yang mewakili semua individu dan organisasi dalam semua aspek industri air dan air sisa.

Anugerah Pertama

Anugerah pertama ialah Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018 "Loji Rawatan Air Terbaik" bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. Berikut adalah butir-butir utama loji rawatan air ini:

Lokasi	Sungai Dua, Seberang Prai Utara
Kawasan tanah	18 hektar
Tahun Pentauliahan	1973
Kapasiti Rekabentuk Maksimum Air Terawat	1,228 juta liter sehari (MLD)

Proses Rawatan	Rawatan air konvensional
Kualiti Air Terawat	Melebihi parameter Program Jaminan Kualiti (QAP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Malaysia
Persijilan	ISO 9001: 2015 untuk Sistem Pengurusan Kualiti
	OHSAS 18001:2007 untuk Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
	MS ISO/IEC 27001:2013 untuk Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
	MS ISO/IEC 17025: 2005 untuk Pengujian Kimia (Makmal Pusat)
Anugerah Terdahulu	2015: Anugerah Pencapaian Kejuruteraan Cemerlang ASEAN 2015 dari CAFEO33 (Persidangan Ke-33 Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN)
	2017: Anugerah Kecemerlangan IKM dari Institut Kimia Malaysia (Makmal Pusat)

Sejak pengkorporatan PBAPP pada 1999, permintaan air harian Pulau Pinang meningkat sebanyak 54%, daripada 536 MLD pada tahun 1999 kepada 826 MLD pada tahun 2017.

Selama bertahun-tahun, PBAPP mengurus penaiktarafan LRA Sungai Dua dengan teliti untuk memastikan bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang, 24/7. Sehingga tahun 2018, ia menghasilkan lebih daripada 80% air terawat yang disalurkan ke seluruh negeri Pulau Pinang setiap hari.

Kini, LRA Sungai Dua adalah LRA terbesar di Malaysia, dengan kapasiti air terawat maksimum sebanyak 1,228 MLD. Kawasan bekalan utamanya ialah Seberang Prai. Air terawatnya juga dipam ke Pulau Pinang melalui dua set paip berkembar dasar laut.

LRA ini juga menempatkan Makmal Pusat PBAPP dan Pusat Kawalan Bekalan Air Pulau Pinang. Pendek kata, WTP Sungai Dua merupakan salah satu aset bekalan air yang paling penting, maju dan cekap di Pulau Pinang.

Anugerah Kedua

Anugerah kedua ialah Anugerah Air untuk Pengurusan 2018. Anugerah ini mengiktiraf pengurusan cemerlang dalam bidang kejuruteraan air atau air

sisa.

Pulau Pinang dan PBAPP telah menyokong inisiatif berikut:

- Pemuliharaan kawasan tadahan air, terutamanya 163,103 hektar hutan hujan di Ulu Muda yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air yang paling penting bagi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang;
- Penyumberan air mentah baharu, seperti cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang akan memastikan jaminan air di Perak Utara dan Pulau Pinang;
- Pelaksanaan sistem pengurusan bekalan air lestari di Pulau Pinang yang mengintegrasikan inisiatif pengurusan bekalan dan permintaan;
- Meningkatkan kesedaran dan pendidikan pengguna mengenai isu-isu air untuk menanam masyarakat “pintar air” dan masyarakat jimat air;
- Promosi pensijilan kecekapan dan latihan profesional berterusan untuk kakitangan bekalan air, menerusi Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA);
- Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kitar semula sisa loji rawatan yang kemuncaknya ia memenangi anugerah dalam projek “Penukaran Sisa LRA Sungai Dua kepada Bata”; dan
- Pelancaran inisiatif I.T. untuk meningkatkan pengurusan dan perkhidmatan bekalan air, seperti aplikasi pembayaran mudah alih “myPBA” untuk peranti pintar, “Pusat Kawalan Bekalan Air Pulau Pinang” dan “Sistem Pengurusan Hasil Bersepadu (iRMS) PBAPP”.

Sebagai penerima individu, saya ingin mendedikasikan Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018 kepada seluruh pasukan PBAPP yang telah bekerja keras dan secara bijak untuk menjadikan PBAPP sebuah organisasi terkemuka dalam bekalan air. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah PBA Holdings Bhd dan PBAPP untuk segala bimbingan mereka.

Pulau Pinang diberi penghormatan untuk menerima 2 anugerah MWA tahun ini. Selain itu, menerima anugerah daripada YB Dr. Xavier

Jayakumar adalah satu keistimewaan yang jarang diperolehi yang akan memberi inspirasi kepada kita semua di PBAPP untuk terus berkhidmat untuk Pulau Pinang sebaik mungkin.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my